

0272

U B794 BAH  
PEKERJA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN SENTIASA SENSITIF TERHADAP KEPERLUAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PEKERJA.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA HARI PEKERJA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BUKAN SAJA BERSEDIA UNTUK BERBINCANG DENGAN WAKIL-WAKIL KESATUAN SEKERJA MALAH TELAH MENYELESAIKAN BANYAK MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PEKERJA MELALUI PERBINCANGAN ANTARA KERAJAAN DAN KESATUAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYARANKAN SUPAYA HUBUNGAN ANTARA KESATUAN DENGAN MAJIKAN, BAIK DALAM SEKTOR AWAM MAHUPUN SWASTA, TERUS DIPERTINGKATKAN.

BELIAU BERKATA HUBUNGAN YANG BAIK ANTARA KEDUA-DUA PIHAK ITU AKAN MENGUNTUNGAN PARA PEKERJA DALAM JANGKA PANJANG.

+PARA PEKERJA, KERAJAAN SERTA PIHAK MAJIKAN ADALAH RAKAN DAN Masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membangunkan negara,+ KATANYA. --- LAGI

1830MST 30 04 90

0273

U B795 BAH  
PEKERJA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENGHARGAI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI.

+SIKAP DAN SIFAT POSITIF, TOLERANSI DAN TANGGUNGJAWAB PARA PEKERJA DI NEGARA INI JELAS MEMBUKTIKAN KESANGGUPAN MEREKA MENGHADAPI CABARAN SEMASA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA: +DI MALAYSIA, KITA BERNASIB BAIK KERANA KEBANYAKAN PEKERJA SANGGUP BEKERJASAMA DAN BERUNDING DENGAN PARA MAJIKAN SERTA KERAJAAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH.+

HUBUNGAN SEDEMikian TELAH MENOLONG PERTUMBUHAN EKONOMI YANG PESAT, KATANYA, SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG TETAP AKAN MEMBAWA BANYAK NIKMAT KEPADA PARA PEKERJA SENDIRI.

+PARA PEKERJA DI NEGARA-NEGARA YANG MUNDUR DAN MISKIN TIDAK MUNGKIN HIDUP LEBIH BAHAGIA DARIPADA PARA PEKERJA DI NEGARA YANG MAJU, STABIL IKLIM KERJA DAN KUKUH EKONOMINYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+SEMPENA PERAYAAN HARI PEKERJA, SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PARA PEKERJA DI NEGARA INI YANG TELAH BANYAK MENYUMBANG BAKTI DAN TENAGA MEREKA DEMI KESEJAHTERAAN SERTA KEMAJUAN NEGARA,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1832MST 30 04 90